

07 SEP 2002

Ghani-Singapura

SINGAPURA PERLU LEBIH IKHLAS SELESAI ISU AIR, KATA GHANI

MUAR, 7 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata Singapura perlu mengutamakan semangat kejiwaan dan bersikap lebih ikhlas dalam mencari jalan penyelesaian berhubung kebuntuan rundingan harga air yang dibeli dari negara ini.

Kegagalan mencapai penyelesaian dalam rundingan peringkat Menteri baru-baru ini jelas membuktikan bahawa Singapura tidak ikhlas dalam usaha untuk menyelesaikan isu berkenaan.

"Kita (Kerajaan Johor) percaya Singapura sengaja mengelak daripada berusaha menyelesaikan isu berkenaan dengan berpegang kepada syarat perjanjian yang ditandatangani kedua-dua negara sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen mengibaratkan Jalur Gemilang peringkat Jawatankuasa Mukim-mukim (JPMM) kawasan Dewan Undangan Negeri Serom di perkarangan Sekolah Kebangsaan Bukit Gambir, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan akhbar hari ini bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan Singapura supaya jangan menggunakan syarat perjanjian yang ditandatangani kedua-dua negara sebelum ini, untuk menekan Kuala Lumpur dalam mencari jalan penyelesaian berhubung isu air.

Dua perjanjian air yang ditandatangani oleh kedua-dua negara masing-masing pada 1961 dan 1962 membawa syarat iaitu sebarang kajian semula harga air di masa depan mesti dipersetujui oleh kedua-dua negara dan Singapura dikatakan menggunakan syarat itu untuk mendapatkan air pada harga yang paling rendah mungkin.

Perjanjian air 1961 akan tamat pada 2011 dan yang satu lagi pada 2061 dengan harga air yang dibekalkan sekarang ini di bawah perjanjian itu ialah tiga sen bagi setiap 1,000 galen air.

Menurut Abdul Ghani, Singapura sebaliknya tidak perlu berdolak-dalih termasuk mengenakan syarat perjanjian yang ditandatangani kedua-dua negara untuk menyelesaikan isu air mentah dari Johor yang telah tertanggung sejak sekian lama.

"Walaupun kita menghormati syarat perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1961 dan 1962 berhubung harga air mentah yang disalurkan ke republik itu, namun mereka (Singapura) perlu menerima realiti bahawa dalam keadaan sekarang tiada barangan yang dijual dengan harga tiga sen sama ada mengikut sukatan atau timbangan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai kebuntuan rundingan pusingan kedua bagi menyelesaikan isu harga air itu, Abdul Ghani berkata, Kerajaan Johor telah membuat persediaan bagi menggunakan sumber air di negeri ini demi keperluan rakyatnya.

"Kita telah mengatur strategi bagi menghadapi cabaran berikutan kesan daripada kelewatan penyelesaian isu harga air dengan Singapura, di samping memastikan rakyat Johor dapat menikmati air bersih daripada sumber sendiri," katanya.

Sementara itu dalam majlis yang sama Abdul Ghani menyeru semua kaum di negara ini supaya memperkukuhkan perpaduan bagi menghadapi ancaman dari dalam dan luar negara yang boleh menghancurkan kemakmuran negara.

Rakyat sewajarnya perlu memahami bahawa negara ini sebagai sebuah negara membangun yang paling maju dan tidak boleh lari daripada ancaman luar dan globalisasi ciptaan negara Barat.

Dengan memberi contoh tindakan Amerika Syarikat dan Britain menggunakan kekuatan tentera udara masing-masing untuk menyerang Iraq pada Khamis,

beliau berkata tindakan sedemikian jelas merupakan usaha untuk menjatuhkan sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Adalah menjadi tanggungjawab generasi pada zaman ini untuk memastikan kemakmuran dan keharmonian yang dinikmati kini dapat juga dikecapi oleh generasi akan datang.

Beliau juga meminta generasi muda di negara ini menghargai kebijaksanaan pemimpin-pemimpin terdahulu yang berjaya membawa negara sehingga mencapai kemerdekaan tanpa insiden tumpahan darah.

-- BERNAMA

SO RAM PR